

Publication : **Utusan Malaysia**  
Date : 29 December 2017  
Section : Bisnes  
Page : 15  
Headline : Hua Yang rancang pembangunan GDV RM800j  
PR Value : 8,010.37



## Hua Yang rancang pembangunan GDV RM800j

**KUALA LUMPUR 28 Dis.** - Pemaju hartanah, Hua Yang Bhd. merancang untuk memperkenalkan projek bercampur dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM800 juta di Kajang, Selangor, terdiri daripada pangsapuri perkhidmatan, unit runcit dan rumah mampu milik.

Projek itu susulan pengambilalihan ke atas pemaju hartanah lain, Kajang Heights Development Sdn. Bhd. berserta lapan hektar tanah pegangan bebas pada harga RM70 juta.

Pembelian tersebut seiring dengan objektif syarikat untuk memperluaskan kedudukannya di Lembah Klang, menurut syarikat itu dalam kenyataan hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Hua Yang, Ho Wen Yan berkata, Lembah Klang kini menyumbang 31 peratus kepada perolehan keseluruhan syarikat setakat suku kedua tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018.

"Menerusi penambahan pembelian tanah di Lembah Klang dengan tumpuan kepada penetapan harga mampu milik, kami akan berada di kedudukan lebih baik untuk memenuhi permintaan pasaran," katanya.

Pembelian yang dibiayai dana dalaman atau pinjaman bank itu tidak akan memberi sebarang kesan ke atas operasi perniagaan syarikat, menurut Hua Yang.

Pembelian itu dijangka diselesaikan menjelang suku pertama tahun kewangan 2019.

Hua Yang setakat ini memiliki simpanan tanah belum dibangunkan keseluruhan 189.8 hektar dengan GDV berpotensi RM4.5 bilion. - BERNAMA